

Sistem pendidikan asas diteliti untuk terap minat membaca

03

KOTA BHARU, Isnin – Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula sistem pendidikan asas iaitu membaca, menulis dan mengira pada peringkat sekolah rendah.

Sistem itu dilihat perlu terus diberi tumpuan supaya murid mampu belajar menggunakan kemahiran berfikir di samping proses pembelajaran berdasarkan teknologi pendidikan masa kini.

Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Abdul Rafie Mahat, berkata langkah kementerian meneliti semula pendidikan asas itu antara usaha memperkuatkkan penguasaan ilmu menerusi pembacaan.

Beliau berkata, walaupun pendidikan sekarang me-

masuki era baru dengan kemajuan teknologi multimedia, hakikat pendidikan asas peringkat sekolah rendah tidak boleh dilupakan.

"Jadi, kita (kementerian) sudah bersetuju melihat semula (meneliti) apa yang pernah dilakukan dulu (pendidikan asas) supaya minat membaca menjadi satu proses berterusan.

"Kita perlu mengadakan (sistem) pendidikan asas yang kukuh, membaca menulis dan mengira sambil menerap nilai yang baik supaya anak-anak membesar sebagai orang berpengetahuan dan belajar dengan cara menggunakan kemahiran berfikir," katanya selepas merasmikan Festival Teknologi Pendidikan Kebangsaan di Pu-

sat Sumber Pendidikan Negeri Kelantan di sini, hari ini.

Sempena majlis itu, Abdul Shafie yang mewakili Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, turut merasmikan bangunan PSPN, pelancaran buku PSPN dan menyampaikan sijil MS ISO 9001 kepada PSPN Kelantan.

Festival bertema Teknologi Menjana Kualiti Pendidikan Negara dijadual berlangsung selama empat.

Abdul Rafei berkata, semua Pengarah Pendidikan negeri diminta mengambil daya usaha mulai sekarang menubuhkan persatuan perpustakaan dan membentuk kumpulan guru bagi merangka kegiatan membaca bagi memu-

puk budaya membaca lebih tinggi dikalangan pelajar.

Beliau berkata, mereka boleh mengadakan kerjasama dengan badan seperti Majlis Buku Kebangsaan, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Awam Negeri serta persatuan penerbit dan penulis.

"Saya berharap setiap Pengarah Pendidikan negeri dapat mengambil langkah positif ke arah perubahan persatuan perpustakaan supaya budaya membaca dapat semarakkan semula.

"Budaya membaca adalah teras kepada penguasaan ilmu dan bagi menggalakkan membaca sebagai satu budaya, mesti ada kesedaran dan minat yang

seharusnya bermula pada peringkat anak masih berumur rendah," katanya.

Mengenai tahap kemajuan pendidikan berteraskan teknologi, Abdul Rafie berkata proses pembelajaran dan pengajaran berdasarkan multimedia, adalah satu cara pendidikan moden lebih berkesan yang mampu menarik minat pelajar.

"Sebab itu kementerian terus mengambil langkah positif bagi memajukan sistem pendidikan negara dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan melancarkan Projek Makmal Komputer di sekolah.

Katanya, fasa pertama projek itu membabitkan 2,400 sekolah di seluruh